

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 31 MAC 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

### Empower ECER Bera bantu usahawan tingkat daya kreativiti

## Empower ECER Bera bantu usahawan tingkat daya kreativiti

**Bera:** Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dengan kerjasama UMP Advanced Education mengajurkan program Pertandingan Kreativiti Produk bersama peserta Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower ECER Bera, Noor Azura Md Daud.

Pertandingan berkenaan diadakan di Pusat Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower ECER Bera, di sini, baru-baru ini.

Antara matlamat program itu adalah untuk menaikkan semangat dan memberi dorongan kepada peserta memperkemas dan memperbaiki kekurangan pro-

duk jualan mereka.

Selain itu, program itu bertujuan untuk melahirkan usahawan yang mempunyai produk berkualiti tinggi seiring perepadan masa.

Program berkenaan dirasmikan Ketua Penolong Pegawai Daerah Bera, Noor Azura Md Daud.

Noor Azura berkata, pengajuran program itu menjadi platform kepada peserta dalam meningkatkan mutu produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh usahawan.

Katanya, pengajuran pertandingan seperti itu adalah sebahagian daripada inisiatif untuk mencungkil bakat, kreati-

viti dan daya inovatif serta keazaman dalam kalangan peserta.

"Usaha sebegini diharap dapat melahirkan kumpulan usahawan yang berdaya saing dalam melonjakkan perniagaan dan melahirkan modal insan harapan Bera, Noor Azura Md Daud.

Beliau berkata, sebagai tambahan, program seumpama ini turut menjadi medium terbaik kepada peserta untuk memperkenalkan produk masing-masing dan melatih peserta supaya lebih yakin dalam mempromosikan produk sendiri.

Sehubungan itu, beliau mengharapkan program seperti itu



Peserta memberi penerangan mengenai produk pada Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower ECER di Pusat Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower ECER Bera.

(Foto ihsan UMP Advanced)

dapat menjadi inspirasi kepada peserta dalam cetusan idea dan inovasi produk baru supaya perniagaan sedia ada kekal relevan dalam pasaran dalam negara.

"Malah, jika dibimbing dengan baik berkemungkinan besar produk peserta mendapat tempat di pasaran luar negara," katanya.



Peserta yang menyertai Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower ECER di Pusat Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower ECER Bera.

(Foto ihsan UMP Advanced)